



NOTIS MAKLUMAN

EKSEKUTIF PEMBIAYAAN (FE) BERDAFTAR DENGAN LPPSA BAGI MEMBANTU PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA.

Berkuatkuasa 1 Ogos 2018, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) memperkenalkan penggunaan perkhidmatan Eksekutif Pembiayaan (FE) berdaftar dengan LPPSA bagi membantu pemohon yang ingin mendapatkan khidmat nasihat berkaitan pembiayaan LPPSA termasuk urusan permohonan pembiayaan.

Peminjam adalah bebas untuk memilih mana-mana khidmat FE atau boleh juga menguruskan permohonan pembiayaan secara sendiri. Bantuan yang diberikan oleh FE ini adalah secara percuma. Senarai FE yang berdaftar dengan LPPSA boleh diakses melalui [pautan ini](#) dan senarai ini akan dikemaskini dari semasa ke semasa.

Setiap FE yang berdaftar adalah terlatih dan telah mengikuti kursus pengendalian permohonan pembiayaan perumahan LPPSA. Langkah ini bertujuan menjaga kepentingan pemohon dan LPPSA disamping mengawal kualiti perkhidmatan FE bagi memastikan kelancaran urusan permohonan pembiayaan perumahan.

Walaubagaimanapun, LPPSA tidak boleh sama sekali dipertanggungkan dan dipertanggungjawabkan bagi apa jua ganti rugi, termasuk tanpa batasan, ganti rugi khas, tidak langsung atau berbangkit yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan atau kebergantungan maklumat yang terkandung dalam senarai ini.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui portal aduan/ pertanyaan rasmi LPPSA di www.lppsa.gov.my.

1 Ogos 2018